

SRJK Cina, Tamil terjejas banjir turut dapat bantuan

UM-31/1/2007
PUTRAJAYA 30 Jan. - Semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil yang terjejas akibat banjir akan diberi bantuan bagi memastikan kebajikan guru dan murid sekolah aliran berkenaan terbelas.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ini kerana kerajaan bersikap terbuka dan saksama dalam menghulurkan bantuan kepada SRJK Cina dan Tamil.

Untuk itu, beliau berkata, pihak kementerian telah menyenaraikan sekolah terabit untuk diberikan bantuan setelah menerima laporan daripada para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) mengenai SRJK Cina dan Tamil yang terjejas akibat banjir.

"Pada masa sama saya juga menerima beberapa permohonan khas mengenai perkara itu daripada Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Naib Presiden, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek; Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Timbalan saya sendiri Datuk Hon Choon Kim.

"Saya telah luluskan permohonan tersebut dan berharap mereka juga dapat membantu kementerian dalam memantau situasi di sekolah-sekolah itu bagi memastikan bantuan disalurkan dapat memulihkan keadaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sementara itu katanya, kerajaan memperuntukkan RM102.25 juta untuk membaikpulih serta menggantikan peralatan dan perabot yang rosak akibat banjir di 379 buah sekolah membabitkan lapan buah negeri.

Hishammuddin berkata, jumlah tersebut merangkumi RM61.35 juta untuk pembaikan fizikal dan RM40.9 juta bagi peralatan dan perabot di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.